

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
KETIKA MENGEMUKAKAN USUL ANGGARAN
PERBELANJAWAN PEMBANGUNAN
BAGI TAHUN 1967 DI DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua:

Saya mohon mencadangkan usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1967 dan mengedarkannya kepada Jawatankuasa Sebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua: kita baru sahaja tamat berbahas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1967 dan saya sukacita mendengar yang Belanjawan Kerajaan yang realis seperti yang dikemukakan kepada Dewan ini oleh sahabat saya, Y.B. Menteri Kewangan itu telah diterima dengan baiknya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya dan rakyat amnya. Saya mempunyai keyakinan yang penuh tetapi rasa belas kasihan pula dengan sahabat saya, Menteri Kewangan, yang mesti menjalankan tugas yang amat sukar itu, iaitu mengemukakan satu Perbelanjaan yang tidak digemari tetapi satu perbelanjaan yang realis pula.

Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini tidak mengetahui yang pada suatu ketika lama selepas pilihanraya umum tahun 1959 dahulu, selepas berlaku perubahan-perubahan dalam Jemaah Menteri, saya telah menjadi Menteri Kewangan – tidak lama – hanya 24 jam sahaja. Tetapi kerana Tunku ialah seorang yang sentiasa bertimbang rasa dan baik hati, saya bernasib baik, kerana Tunku telah menerima rayuan saya supaya jawatan Menteri Kewangan itu diberi kepada rakan dan sahabat saya iaitu Menteri Kewangan yang ada sekarang ini. Sahabat saya yang baik hati ini telah menjalankan tugasnya sebagai Menteri Kewangan dengan penuh tanggungjawab dan baik. Beliau telah mendapat nama yang baik sebagai seorang Menteri Kewangan dan ia telah memegang jawatan ini sekian lama jika dibandingkan dengan Menteri-menteri Kewangan di negara-negara yang lain.

Tuan yang di-Pertua: sungguhpun kita dalam tahun 1967 ini mengalami kekurangan wang tetapi tidaklah pula bermakna rancangan-rancangan pembangunan kita akan terbeku atau tidak dilancarkan. Dalilnya ialah saya sekarang sedang mengemukakan satu usul yang menjadi inti rancangan pembangunan yang realis. Ini menunjukkan yang negara kita ini mara ke dalam tahun 1967 dengan semangat dan azam yang kuat bagi melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan.

Besar kita dapat menjalankan lebih banyak kerja dan melancarkan rancangan-rancangan pembangunan jika kita mempunyai banyak wang, tetapi saya suka memberi jaminan tambahan kutipan daripada hasil cukai-cukai baru yang dinaikkan dan bantuan-bantuan yang kita harapkan dari luar – dari negara-

negara sahabat – itu akan dibelanjakan dengan cermat bagi faedah dan kepentingan kemajuan pembangunan.

Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana kita mula tahun 1967 dalam keadaan yang aman dengan sebab itu negara kita dapat menjalankan tugas memajukan negara kita dengan lebih pesat dan cergas lagi. Segala tenaga dan wang kita tidak lagi dicurahkan sebahagian besarnya melawan konfrantasi Indonesia kerana konfrantasi telahpun tamat.

Walaupun tentera-tentera Komanwel telah keluar dari Malaysia Timur, saya suka memberi jaminan yang kita mempunyai cukup angkatan bersenjata kita sendiri bagi menjaga keselamatan Malaysia Timur. Tentera-tentera darat, laut, udara dan polis sangat cekap dan taat setia dalam menjalankan kewajibannya. Kita amat bangga mempunyai perwira-perwira yang cekap ini. Pada hari ini, bercakap sebagai Menteri Pertahanan, saya suka mengambil peluang mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pegawai-pegawai dan askar-askar biasa Komanwel dan kepada pegawai-pegawai dan askar-askar biasa Malaysia di atas jasa-jasa dan perkhidmatan yang cemerlang kepada negara, keberanian dan kehandalan mereka menjalankan tugas mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia ketika kemerdekaan dan kedaulatan negara kita diancam oleh konfrantasi selama 3 tahun lamanya. Saya yakin tiap-tiap Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak dapat menafikan pengorbanan nyawa, jasa-jasa dan perkhidmatan-perkhidmatan perwira-perwira ini dalam hutan rimba dengan bahaya-bahayanya dan kerana perkhidmatan mereka yang cemerlang itulah kita telah dapat hidup dengan selamat dan tidak terganggu dalam tugas-tugas kita untuk mencapai dan memberi kemajuan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: sungguhpun konfrantasi dengan Indonesia itu telah tamat, tetapi ini bukanlah masanya negara dan rakyat semua berpuas hati, dan tidak payah mengambil berat dalam bidang pertahanan dan keselamatan negara. Anasir-anasir dan bahaya komunis dan penyeludupan-penyeludupan oleh mereka terus menerus ada dan kerana itulah kita mesti sentiasa berwaspada dan mesti mempunyai pasukan bersenjata yang cekap dan sederhana besar kekuatannya untuk mempertahankan negara kita. Bagi menanggungnya kita mestilah membelanjakan wang yang agak banyak juga bagi pertahanan dan keselamatan negara kita. Tetapi sebagai Menteri Pertahanan saya suka memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang saya tidak akan membenarkan perbelanjaan-perbelanjaan yang membazir; peruntukan-peruntukan hanya untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang betul-betul perlu dan penting bagi keselamatan dan pertahanan negara. Yakinlah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya tidak akan membenarkan Menteri Pertahanan membelanjakan wang untuk pasukan-pasukan bersenjata sahaja!

Tuan Yang di-Pertua: Saya sekarang suka menitik beratkan kepada Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama. Kerajaan sedar yang wang

yang banyak adalah dikehendaki jika Rancangan Pembangunan Malaysia hendak dilaksanakan dan kita berazam hendak melaksanakannya bersungguh-sungguh dan ini bermakna kita mesti mencari wang dari sumber-sumber dalam dan luar negeri. Oleh kerana kita telah berjanji untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ini maka kita berazam hendak mengguna dan mengembelikan segala tenaga dan fikiran untuk menjamin kejayaan Rancangan Pembangunan ini. Kita sedang berusaha mencari wang dan akan terus menerus berusaha mengumpul wang sehingga jumlah yang kita mahu itu tercapai. Kenaikan cukai-cukai baru yang diumumkan oleh Menteri Kewangan yang telahpun diluluskan oleh Dewan ini menunjukkan betapa besarnya keazaman dan usaha kita untuk membolehkan kita menolong diri kita sendiri.

Ini semua adalah pengorbanan – satu pengorbanan – tetapi kita tidak meminta pengorbanan ini bagi sesuatu perkara yang kecil. Kerajaan Perikatan telah memerintah dan mentadbirkan negara ini dengan baiknya selama 12 tahun dari tahun 1955 dan semenjak tercapainya kemerdekaan kita. Kerajaan Perikatan telah mencapai kemerdekaan bagi Malaya dan dengan kejayaan itu Kerajaan Perikatan telah menerima tanggungjawab dan cabaran memimpin, mentadbir dan memerintah negara kita ini dan memimpin rakyatnya menuju ke arah kemakmuran, keamanan dan kepada satu masa hadapan yang cemerlang. Dengan tidak bermaksud hendak memukul gendang sendiri, saya boleh berkata di sini yang Kerajaan Perikatan telah membuat banyak jasa; khidmat yang cemerlang dan mencapai banyak kejayaan bagi Malaysia dan rakyatnya. Ia telah membuat satu rekod yang cemerlang. Tetapi kita tidak harus pula berpuas hati dengan kejayaan ini semua kerana tugas dan kewajipan kita belum tamat lagi. Sebaliknya, Kerajaan Perikatan akan terus menerus memberi kemajuan kepada negara ini dan kepada penduduk-penduduknya yang semakin meningkat bilangannya itu dengan mengadakan lebih banyak lagi peluang-peluang bekerja bagi mereka, mengadakan rumah-rumah; sekolah-sekolah, rumah-rumah sakit dan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan kesihatan yang lebih baik dan berbagai-bagai kemudahan-kemudahan yang lain lagi. Untuk mencapai cita-cita ini maka terpaksa kita semua – rakyat dan Kerajaan – bekerja lebih kuat dan rajin lagi.

Kejayaan kita dalam masa 5 tahun yang lepas menunjukkan yang kita mempunyai kebolehan; ilmu, fikiran dan tenaga untuk mengadakan sebanyak-banyak rancangan dan melaksanakannya dengan hasil-hasil yang memuaskan. Anggaran perbelanjaan yang saya usulkan sekarang ini adalah untuk tahun yang kedua rancangan Malaysia Yang Pertama yang akan memakan masa selama 5 tahun semuanya.

Kita juga, seperti yang telah dinyatakan oleh Menteri Kewangan, semasa beliau mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1967 yang kita akan mengurangkan harga-harga bangunan dan menurunkan darjatnya sedikit dan kita akan mengutamakan kegunaan dan di mana yang boleh kita akan mendirikan bangunan-bangunan yang serupa bentuknya. Seperti saya nyatakan pada masa

yang lepas, sesebuah negara Asia yang sedang membangun tidak harus meniru darjat dan nilai-nilai negara Eropah yang sudah pun maju. Kita mestilah berpuas hati dengan memelihara darjat kita sendiri dan dengan ini diharap ramai-ramai rakyat kita akan bersama-sama menikmati faedah-faedah daripada rancangan pembangunan negara kita.

Tidaklah payah saya bercakap tentang segala butir-butir Anggaran Perbelanjaan ini tetapi hanya sekadar tentang projek-projek yang besar-besarnya sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat harus telahpun sedar yang kebanyakan daripada projek-projek yang besar ini adalah sambungan daripada projek-projek yang telah dimulakan pada tahun yang lepas.

Daripada jumlah \$836 juta, sebahagiannya adalah peruntukan-peruntukan bagi melaksanakan rancangan yang penting dan keutamaannya tinggi – projek-projek yang akan memberi sumbangan dengan besarnya bagi mengadakan satu 'infrastructure' dan kemudahan-kemudahan yang penting dan keperluan untuk kita mencapai kemajuan ekonomi dan masyarakat di masa-masa hadapan.

Peruntukan bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan adalah mengikut keutamaan yang terkandung dalam rancangan Malaysia Yang Pertama. Semasa menyediakan anggaran ini segala usaha telah diambil untuk membatalkan projek-projek yang tidak menguntungkan dan tidak memberi faedah yang besar dan terang.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam kita mempesatkan kemajuan iktisad dan sosial atau kemasyarakatan di Malaysia Barat, kita tidak pula lupa dan sentiasa sedar akan kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan Sabah dan Sarawak. Rancangan kemajuan yang besar dan teratur hanya dimulakan selepas pembentukan Malaysia. Keperluan-keperluan wilayah-wilayah ini sangat banyak dan harus disegerakan. Kita berazam untuk mempercepatkan pembangunan dan kemajuan di Malaysia Timur. Ini memerlukan banyak modal tetapi kita di Malaysia Barat yang agak lebih bernasib baik sedikit sentiasa sedia hendak menolong saudara-saudara kita di Malaysia Timur. Tetapi saya merayu kepada rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak untuk memberi sumbangan masing-masing supaya ada kerjasama dan perpaduan dalam pembentukan satu bangsa dan negara kita.

Dengan ini semua pun kita hendaklah faham yang pembangunan di wilayah-wilayah ini akan mengambil masa yang lama dan memakan belanja yang mahal disebabkan kerana wilayah-wilayah ini pada keseluruhannya adalah mundur. Apa yang dikehendaki sebagai satu syarat yang penting ialah bagi kita untuk mengadakan asas-asas bagi kemajuan disana. Proses atau kerja-kerja pembangunan sudah pun menukar corak wilayah-wilayah ini tetapi tentulah kesan-kesan dan hasil rancangan pembangunan ini akan mengambil masa.

Kita sedar dan faham tentang keinginan saudara-saudara kita di Sabah dan Sarawak untuk menukar corak dan memperbaiki taraf hidup mereka tetapi sebarang kenaikan hanya dapat dicapai baik di Malaysia Timur atau di Malaysia Barat hanya selepas kita telah mengadakan asas-asas pembangunan dan kemajuan

yang teguh terlebih dahulu. Tiada jalan yang lain dan Kerajaan sedang berusaha unuk membina asas-asas ini dengan secepat-cepat yang boleh. Dalil yang Kerajaan jujur ialah kita telah membuat peruntukan kewangan bagi Sabah dan Sarawak lebih banyak daripada yang dipersetujui dalam Perjanjian Malaysia atau Jawantankuasa Antara Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Usaha-usaha kita sendiri untuk membiayai Rancangan Malaysia Yang Pertama ini tidak mencukupi, oleh kerana itu terpaksa kita mencari bantuan-bantuan di luar negeri. Kerajaan puas hati dengan tindakan ini oleh kerana Rancangan Malaysia Yang Pertama ini sangat baik dan ini adalah pendapat yang diberikan oleh badan antarabangsa yang masyur dan bertanggungjawab iaitu Bank Dunia.

Untuk menyenangkan kita menguruskan bantuan-bantuan dari luar kepada Malaysia, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri maklum, satu Kumpulan Perundingan Bantuan Malaysia atau 'Kelab Bantu Malaysia' telahpun ditubuhkan di bawah anjuran Bank Dunia. Kumpulan ini dianggotai oleh 13 negara dan badan-badan antarabangsa termasuk Bank Dunia dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya yakin negara-negara dan badan-badan ini akan memberi bantuan-bantuan yang dikehendaki oleh kita itu. Semenjak mesyuarat yang pertama Kumpulan ini, pada bulan Jun 1966 dahulu, setengah-setengah usaha itu telahpun memberi hasil kepada kita, contohnya ialah Perjanjian-perjanjian Pinjaman Wang yang kita telah tandatangani dengan Jepun dan Perancis. Jumlah bantuan telahpun dijanjikan oleh Kanada, Belanda, sementara itu Australia, New Zealand terus memberi kita bantuan-bantuan modal yang berupa pemberian terus atau 'grant'. Kerajaan telah pun mengemukakan beberapa permintaan untuk projek-projek yang mereka mampu menolong kepada badan-badan dan negara-negara dalam Kumpulan Bantu Malaysia ini. Dengan setengah-setengahnya harapan kita mendapatkan bantuan ini sangat cerah.

Saya berharap dalam tahun yang kedua Rancangan Malaysia Yan Pertama ini, negara-negara dalam Kumpulan Bantu Malaysia ini yang belum lagi membuat sebarang tawaran akan secepat mungkin memberi petanda-petanda kepada kita, kemampuan atau jumlah bantuan kewangan yang mereka boleh beri kepada kita. Saya sangat berharap, khasnya kepada negara-negara dalam Kumpulan ini yang mempunyai program-program yang besar yang membantu negara-negara dalam kawasan Tenggara Asia dan yang mempunyai banyak kepentingan bersama dengan Malaysia serta mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua: Kita memerlukan bantuan dari luar yang kena pada tempatnya untuk Rancangan Malaysia Yang Pertama. Bantuan-bantuan yang dikehendaki hanya untuk sewaktu yang singkat sahaja. Kita mempunyai pengalaman pentadbiran dan kebolehan teknikal untuk melaksanakan Rancangan-rancangan ini dengan sempurna. Saya suka mengulangi yang sebarang bantuan yang kita dapat akan digunakan dengan cermat dan berkesan sekali bagi faedah bersama - kepada yang menerima dan yang memberi. Saya suka menarik

perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang peruntukan bagi memperbaiki jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan yang rosak semasa banjir baru-baru ini, khasnya jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan di negeri Kelantan, Terengganu dan Perak tidak di masuk di dalam Anggaran Perbelanjaan ini. Peruntukan ini tidak di masukkan kerana Kerajaan belum lagi dapat dengan jelasnya jumlah kerugian akibat kerosakan banjir ini dan berapa banyak pula yang dihendaki untuk memperbaiki dan memulihkan jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan ini seperti sediakala. Sungguhpun bencana alam yang kita alami baru-baru ini merumitkan lagi kedudukan kewangan kita tetapi saya suka menegaskan di sini yang Kerajaan Perikatan berazam hendak menolong memulihkan semua mangsa-mangsa banjir yang perlukan pertolongan. Ini adalah tanggjawab yang Kerajaan Perikatan akan tunaikan. Kerajaan akan membantu alat-alat mendirikan rumah di bawah rancangan gotong-royong dan peladang-peladang dan petani-petani yang tanam-tanaman masing-masing rosak akan dibantu dengan benih-benih dan baja.

Tuan Yang di-Pertua: saya sukacita melihat bahawa ramai rakyat Malaysia dari semua peringkat yang telah membantu mangsa-mangsa banjir dan ramai lagi yang menderma kepada Tabung Bencana Negara. Kepada mereka semua saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan, anggota polis dan angkatan bersenjata kita dan juga pasukan-pasukan bersenjata di Raja British dan negara-negara sahabat dan jiran yang telah menolong kita semasa kita diserangi banjir baru-baru ini. Kerajaan Malaysia terhutang budi kepada negara-negara sahabat dan jiran-jiran kita.

Sekarang saya suka berucap sedikit dalam Bahasa Inggeris.....